

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL**  
**[SUNGAI PETANI]**  
**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 65**

**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan nilai Ringgit kembali kukuh jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Thailand dan Singapura.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 8 Julai 2019, ringgit telah menyusut nilai sebanyak 0.2% berbanding dolar AS. Prestasi ringgit ini adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -6% dan 4.9% berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Penyusutan nilai ringgit didorong oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global dan ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik.
2. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia.
3. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir.
3. Pada masa yang sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB. TUAN WONG LING BIU  
[ SARIKEI ]**

**TARIKH** : **17 JULAI 2019**

**SOALAN** :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** adakah Kementerian bercadang untuk mempromosikan pelancongan kapal pelayaran di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN** :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Tourism Malaysia (TM) sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan negeri dan agensi-agensi swasta yang terlibat secara terus dalam mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan termasuk pelancongan kapal pelayaran di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Terdapat beberapa acara utama kapal pelayaran yang diadakan di Malaysia yang mendapat sokongan dan bantuan penganjuran dari TM iaitu :-

- a) "*Sail Malaysia - Passage to the East*" ( 2008-2019)
- b) Royal Langkawi International Regatta ( 2014-2018)
- c) Raja Muda Selangor International Regatta ( 2014-2018)

Acara kapal pelayaran "*Sail Malaysia - Passage to The East*" ini juga turut memberi impak kepada produk pelancongan di kawasan persekitaran, sebagai contoh pelancongan Homestay Misompuru, Kudat di mana homestay tersebut mempunyai pakej pelancongan khas "Misompuru Homestay Sailing" yang lahir hasil dari acara kapal pelayaran yang dijalankan.

Di Semenanjung Malaysia pula, TM sentiasa bergiat aktif dalam mempromosikan permata Kedah iaitu Pulau Langkawi melalui pelancongan kapal pelayaran di luar negara, baik ketika menghadiri pameran & misi jualan, mahupun melalui aktiviti-aktiviti promosi yang dijalankan menerusi pejabat-pejabat TM yang terdapat di 43 buah negara. Dua acara utama iaitu Royal Langkawi International Regatta dan Raja Muda Selangor International Regatta telah mendapat sokongan penganjuran dari TM mulai tahun 2014-2018.

Selain itu MOTAC melalui TM giat mempromosikan pelancongan kapal persiaran (cruise) sebagai salah satu fokus utama dalam mempelbagaikan aktiviti pelancongan di Malaysia. Menurut kajian "Cruise Liners International Association (CLIA)" menjangkakan pertumbuhan yang amat pesat bagi industri pelancongan kapal persiaran ini bukan sahaja bagi pasaran Asia malahan seluruh dunia.

Pada tahun 2018, Malaysia menerima sebanyak 614 pendaratan kapal persiaran yang membawa penumpang seramai 932,737 orang melalui pelabuhan-pelabuhan utama di Semenanjung Malaysia seperti Pelabuhan Klang, Pulau Pinang, Langkawi, Melaka, Kuantan, Pulau Redang dan Lumut, di Sarawak melalui Pelabuhan Kuching dan Bintulu manakala Pelabuhan Kota Kinabalu dan Sandakan bagi Negeri Sabah.

Bagi mempromosikan industri pelancongan kapal persiaran ini, TM telah menyertai beberapa pameran berkaitan kapal persiaran di peringkat antarabangsa iaitu Seatrade Cruise Global di Miami, USA (2012-2019) dan juga Seatrade Cruise Asia, Shanghai, China (2014-2017). Ianya turut disertai oleh agensi-agensi yang berkaitan seperti pengusaha pelabuhan, pengusaha perkhidmatan pelabuhan, agen pelancongan lawatan "*shorerex*" dan wakil dari pihak Kementerian Pengangkutan. Sekian, terima kasih.